

Kertas Kerja Kolokium Teori Sastera:  
Pengkaedahan Melayu Sebagai Asas penelitian Khazanah Sastera Kebangsaan  
Dewan Bahasa dan Pustaka Cawangan Sarawak  
Kuching  
1 Februari 2018/ 15 Jamadilawal 1439H

**MANTERA SUKU TIDUNG: SATU ANALISIS DARI PENGKAEDAHAN ALAMIAH**

**Noor Ainna Abd Hamid**

**Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.**

**Pengenalan**

Sastera rakyat merupakan sebuah khazanah yang mungkin tidak mampu dihitungkan nilainya dalam sesebuah masyarakat. Sastera rakyat ini berkembang dalam kalangan masyarakat dan memilikinya secara bersama. Penyebaran sastera rakyat ini diperturunkan secara lisan, dari satu generasi terdahulu kepada generasi selepasnya sehinggalah kini. Maka sastera rakyat ini juga dikenali sebagai sastera lisan.

Dorson (1973;3) menyatakan sastera rakyat juga dikenali sebagai sastera lisan atau seni pertuturan atau kesusasteraan ekspresif yang merangkumi bahasa rakyat, nyanyian rakyat, cerita rakyat, puisi rakyat, ungkapan rakyat (peribahasa) dan semua prosa dan puisi tradisi, sama ada dalam bentuk cerita atau bukan cerita yang berlegar di sekitar masyarakat menerusi lisan, diwarisi oleh satu generasi dari generasi terdahulu melalui media lisan tanpa diketahui siapa penciptanya. Demikian halnya, puisi tradisi yang menjadi penelitian penulis iaitu mantera suku Tidung.

Perkataan mantera berasal dari bahasa Sanskrit iaitu “mantra”, “manir” atau “matar”. Haron Daud (2001) memperkenalkan mantera dengan pelbagai definisi menurut masyarakat pemilikinya. Dalam bahasa Jawa moden, menurut Marjuman et al. (1980, 13) mantera disebut “mantra” yang membawa maksud doa, jampi dan pesona. Dalam bahasa Indonesia, mantera tidak lagi mengandungi makna pemujaan, ia hanya ada kaitan dengan kekuatan ubat-ubatan.

Maryati (1993, 17) menyatakan masyarakat Sunda di Jawa juga menggunakan istilah mantra. Istilah mantra bukan istilah Sunda asli melainkan berasal dari bahasa Sansekerta yang bererti jampi, pesona, atau doa.

Demikian juga dengan masyarakat Minangkabau di Sumatera yang menyebut mantera sebagai “manto”- berdasarkan 49 buah mantera dalam *Sastera Lisan Minangkabau* (Jamil et al. 1981) yang juga menegaskan bahawa mantera sesungguhnya merupakan media manusia untuk

berhubungan dengan kekuatan yang ghaib-menunjukkan betapa kuatnya pengaruh Islam di dalamnya sehingga seolah-olah tidak pernah ada pengaruh Hindu.

Perkataan mantera amat jarang digunakan oleh orang Melayu kerana mereka menyebut 'jampi' dan 'serapah'. Dalam keadaan beginilah Harun Mat Piah (1989, 479) menggunakan mantera untuk istilah yang merangkumi apa yang disebut dalam bahasa Melayu sebagai jampi, serapah, tawar, sembur, cuca, puja, seru, tangkal dan lain-lain. Menyamakan mantera dengan jampi dirasakan kurang tepat kerana jampi adalah sejenis mantera yang digunakan untuk menyembuhkan penyakit yang biasanya dibaca pada ubat, air, minyak dan sebagainya (Geertz 1977, 146), manakala *serapah* atau *singular* digunakan untuk mengusir makhluk halus seperti jin, hantu, syaitan, juga untuk menghalau binatang buas dengan cara sumpahan (Maryati 1993 19).

Harun Mat Piah (1989, 479) dalam kajiannya memahami mantera sebagai Semua jenis pengucapan dalam bentuk puisi atau prosa, yang mengandungi tujuan dan konotasi magik, pengubatan dan perbomohan merangkumi semua nama dan jenis pengucapan yang sama fungsinya seperti jampi, serapah, tawar, sembur, cuca, puja, seru, tangkal dan lain-lain.

Haron Daud (2001, 21) mendefinisikan mantera ialah semua jenis pengucapan dalam bentuk puisi atau bahasa berirama yang mengandungi unsur magik dan diamalkan oleh orang tertentu, terutama bomoh, dengan tujuan kebaikan atau sebaliknya. Pengertian itu juga menunjukkan bahawa segala azimat (dalam bentuk rajah, lukisan dan sebagainya), benda-benda yang mempunyai keramat (mana) seperti raja kayu, permata, besi kuning, keris dan lain-lain yang mendapat kuasa magik secara langsung daripada makhluk halus seperti jin dan hantu raya adalah bukan mantera kerana itu semua, walaupun berkaitan dengan magik, tidak melibatkan pengucapan dan amalan.

Dalam konteks kajian mantera dalam Suku Tidung di Kampung Sungai Tamang dan Kampung Mentadak Baru, Tawau, Pulau Sebatik yang diteliti penulis. Tidak wujud sama sekali perkataan mantera dalam masyarakat ini. Tetapi tawar dan doa ini masih termasuk dalam jenis-jenis mantera.

### **Asal Usul, Sejarah, Geografi Suku Tidung**

Nama suku Tidung berasal dari perkataan dalam bahasa Tidung iaitu *Tideng*. Dalam bahasa Tidung, *Tideng* bermaksud gunung atau tanah tinggi. Perkataan *Tideng* ini akhirnya berubah menjadi Tidung. Kini, perkataan ini merujuk kepada masyarakat Tidung yang memperkenalkan diri mereka dalam bahasa Tidung, *Damo intad de tideng* yang bermaksud *kami datang dari tanah tinggi*.

Asal usul perkataan Tidung ini bertentangan dengan penempatan Suku Tidung yang banyak mendiami kawasan persisir pantai dan pulau-pulau sehinggakan kebudayaan orang Tidung ini dikenali sebagai kebudayaan persisir.

Dalam meneliti kewujudan suku Tidung adalah amat wajar, dilihat juga asal usul suku itu sendiri. Tjilik Riwut (2003) melihat Suku Tidung bukanlah sebagai sub suku yang besar. Suku Tidung merupakan sebahagian dari keluarga suku Dayak Murut. Tjilik Riwut membahagikan suku Dayak kepada enam kelompok besar iaitu (1) Ngaju, (2) Apu Kayan, (3) Iban, (4) Klemantan, (5) Murut, dan (6) Punan. Suku Tidung merupakan bahagian dari kelompok ke-5 suku Dayak iaitu Dayak Murut. Tjilik Riwut membahagikan lagi suku Tidung ini kepada 10 kelompok sub suku yang lebih kecil.

Suku Dayak lazimnya bukan beragama Islam dan kebanyakannya tinggal di kawasan pedalaman, pergunungan dan tanah tinggi. Masyarakat Tidung ini juga lazimnya mengamalkan cara hidup berpindah randah. Ada kepercayaan yang mengatakan bahawa masyarakat Dayak yang memeluk agama Islam itulah suku Tidung. Suku Tidung inilah yang kemudiannya berpindah ke kawasan persisir pantai dan pulau-pulau. Faktor ini mewajarkan asal usul suku Tidung yang dikatakan berasal dari kawasan gunung dan tanah tinggi lalu mengalami perubahan budaya yang menarik apabila berpindah dan mendiami kawasan tanah rendah di persisir.

Pendapat ini dikukuhkan lagi dengan pernyataan Koentjaraningrat (2000, 227 -260) yang menurutnya, proses pengeseran masyarakat dan kebudayaan tidak lepas dari konsep dinamika sosial yang meliputi proses belajar, evolusi kebudayaan, dan proses penyebaran kebudayaan. Proses belajar kebudayaan oleh masyarakat bersangkutan meliputi internalisasi, sosialisasi dan enkulturasi, berlangsung sejak lahir hingga menjelang kematian.

Suku Tidung di negeri Sabah, Malaysia dikategorikan sebagai penduduk peribumi di negeri Sabah. Masyarakat suku Tidung di negeri ini mendapat Hak-hak Istimewa Bumiputera di bawah Undang-Undang Anak Negeri. Di Malaysia suku Tidung banyak mendiami kawasan Pulau Sebatik, Tawau sehingga kawasan Beluran, Sandakan di negeri Sabah. Manakala di Indonesia, suku Tidung banyak mendiami kawasan Kalimantan Timur bahagian utara. Suku Tidung lazimnya mendiami kawasan pantai dan pulau-pulau. Ada juga beberapa pemukiman suku Tidung di muara sungai.

Kewujudan suku Tidung di daerah Tawau, Sabah, Malaysia menjadi sejarah penting apabila penempatan terawal masyarakat di daerah Tawau bermula dengan sebuah perkampungan kecil nelayan yang penduduknya seramai 200 orang yang berasal dari suku Tidung dan suku Suluk. Walau bagaimanapun, sebelum tahun 1890 telah wujud penempatan masyarakat Melayu Islam Tidung di Kalabakan. Ketika itu, masyarakat Tidung di bawah naungan Kesultanan Bolongan-Tarakan. Ketika itu juga terdapat penempatan masyarakat suku Bajau di Semporna.

Perkembangan suku Tidung di daerah Tawau ini juga boleh dilihat menerusi sejarah perkembangan wilayah penutur bahasa Tidung. Menurut Darmansyah et al. (1981, 15), terdapat wilayah penutur bahasa Tidung di luar Kabupaten Bulungan iaitu seperti Kabupaten Kutai iaitu di Kutai Lama, sekitar Pulau Anggana, di hilir Mahakam dan di Tawau, daerah Sabah, Kalimantan Utara.

Sejarah perkembangan suku Tidung ini banyak dicatatkan di daerah Tawau. Namun sebenarnya perkembangan ini juga berlaku di Pulau Sebatik. Memandangkan geografi Pulau Sebatik yang terbahagi oleh sempadan yang dimiliki oleh dua buah negara. Perkembangan Suku Tidung di pulau ini tidak pernah dicatatkan.

### **Sastera Lisan Suku Tidung**

Sastera rakyat (sastera lisan) terbahagi kepada dua iaitu bentuk naratif (cerita) dan bukan naratif (bukan cerita). Sastera rakyat (sastera lisan) berbentuk cerita adalah seperti cerita binatang, cerita penglipur lara, cerita asal usul, cerita teladan, cerita jenaka, cerita mitos dan cerita lagenda. Manakala sastera rakyat (sastera lisan) berbentuk bukan cerita pula adalah seperti pantun, syair, nazam dikir, seloka, teromba, gurindam dan sebagainya.

Dipercayai dahulu pernah ada cerita bertulis tentang Suku Tidung. Terutamanya cerita yang berhubungan dengan riwayat para raja atau cerita kepahlawanan orang Tidung. Tetapi kini, cerita bertulis sebegitu tidak ditemukan lagi.

Sekarang, hanya cerita rakyat (cerita lisan) yang disampaikan secara lisan oleh orang-orang tua kepada anak, cucu atau cicitnya. Beberapa cerita rakyat (cerita lisan) suku Tidung yang sempat didokumentasi oleh penulis di Kampung Sungai Tamang dan Kampung Mentadak Baru, Pulau Sebatik, Tawau, Sabah iaitu sebuah cerita mitos iaitu *Tenggelamnya Kampung Menjelutung*, lima cerita asal usul iaitu *Asal Usul Tinagat*, *Asal Usul Kampung Bergosong*, *Asal Usul Kampung Sungai Tamang*, *Asal Usul Kampung Mentadak Baru*, sebuah cerita kanak-kanak iaitu *Cerita Mengapa Nyamuk Suka Gigit Telinga Manusia*, tiga buah cerita lagenda iaitu *Lagenda Aki Bentawol*, *Lagenda Datu Empat Mata dan Lagenda Kedaulatan Raja Tidung* dan tiga buah cerita hantu iaitu *Hantu Perakang*, *Hantu Tinggi* dan *Hantu Sawan*.

Selain sastera rakyat (sastera lisan) berbentuk cerita terdapat juga sastera rakyat (sastera lisan) berbentuk bukan cerita seperti doa dan tawar suku Tidung di Kampung Sungai Tamang dan Kampung Mentadak Baru, Pulau Sebatik, Tawau, Sabah iaitu tawar dan doa untuk pakaian diri seperti penguat badan dan kebal, pendinding, pengerun dan penunduk, pemanis dan pengasih. Doa dan tawar untuk perbomohan dan perbidanan seperti penyakit biasa, penyakit berbahaya, penyakit urat dan tulang, gangguan mahluk halus, penyakit angin dan ilmu hitam.

Dalam suku Tidung, istilah tawar merujuk kepada sejenis mantera yang digunakan untuk menyembuhkan, merawat penyakit atau masalah yang telah dan sedang dihadapi oleh pesakit. Manakala, doa merujuk kepada sejenis mantera yang digunakan sebagai pencegahan awal, mengatasi atau mengelakkan sesuatu penyakit atau masalah. Doa dibacakan dengan penuh

pengharapan dan permohonan. Tawar dan doa biasanya dibaca pada ubat, air, minyak, gula dan sebagainya.

Mantera suku Tidung wujud dalam bentuk puisi (bahasa berirama), bentuk prosa dan ada juga bentuk arahan perlakuan atau dalam masyarakat Tidung disebut sebagai *syarat*.

Mantera suku Tidung bentuk puisi (bahasa berirama) dapat dilihat dalam kebanyakan mantera jenis pemanis dan pengasih. Mantera jenis ini menyerlahkan kekuatan bahasa puisi dan bahasa berirama yang indah dicipta untuk menimbulkan daya magik dan kekuatan ghaib.

Mantera suku Tidung bentuk prosa dapat dilihat dalam mantera jenis perbomohan atau perubatan. Mantera jenis ini digunakan dalam upacara penyembuhan penyakit akan dilakukan dengan menari tarian Raja Berangkat.

Manakala bagi mantera bentuk arahan perlakuan atau syarat hanya terdapat dalam mantera jenis pembantu dalam pelayaran di laut iaitu mantera *Sukang Hantu Laut*.

### **Teori Pengkaedahan Melayu**

Menurut Hashim Awang (2018), dengan berasaskan kepada rupa bentuk asli Kesusasteraan Melayudan kepada corak kebudayaan dan sikap hidup serta pandangan dunia bersama-sama dengan perspektif alam semesta (kosmologi) dan agama Islam, maka Teori Pengkaedahan Melayu dilahirkan bertunjangkan kepada dua dasar pengkaedahan utama yang masing-masing dinamakan sebagai Pengkaedahan Alamiah dan Pengkaedahan Keagamaan. Kedua-dua pengkaedahan ini dalam berpadu, saling berkaitan antara satu dengan lainnya, dan saling kukuh memperkukuhkan.

Dalam penelitian menggunakan Teori Pengkaedahan Melayu, penulis akan memfokuskan analisis kajian terhadap mantera suku Tidung jenis perubatan/perbomohan dan jenis pakaian diri sebanyak 45 buah mantera suku Tidung di Kampung Sungai Tamang dan Kampung Mentadak Baru, Pulau Sebatik, Tawau, Sabah. Analisis ini hanya menggunakan Pengkaedahan Alamiah yang terdiri daripada Pendekatan Gunaan, Pendekatan Moral dan Pendekatan Firasat.

### **Pengkaedahan Alamiah**

Menurut Hashim Awang, Pengkaedahan Alamiah dibentuk dengan berlandaskan kepada dua dasar utama yang berkaitan langsung dengan kehidupan dan keagamaan bangsa Melayu. Masyarakat Melayu menjalani kehidupan mereka dengan berpolakan kepada pergerakan dan pengisian alam; dengan corak pola kehidupan begini maka mereka menjadikan alam itu seolah-olah sebagai sebahagian daripada diri dan kehidupan mereka. Maka itulah kita dapati alam dalam kalangan bangsa Melayu merupakan sumber paling penting yang dapat memberikan mereka pekerjaan atau pencarian, pengalaman, pengajaran dan pelbagai kebaikan.

Apabila dikaitkan pula dengan agama Islam yang menjadi anutan terulung dan mendalam bagi bangsa Melayu, maka ternyata bahawa persoalan tentang konsep alam menjadi semakin ketara dan benar sebagai suatu perkara yang sungguh besar. Oleh demikian bagi memastikan kebenaran ini menjadi perlu dan wajar untuk merujuk Kitab Suci Al-Quran.

Menurut Hashim Awang (2018), dalam Al-Quran dinyatakan mengenai persoalan tentang alam dan fenomenanya dalam himpunan 750 ayat yang merangkumi tiga isu atau persoalan besar iaitu tentang asal usul kejadian manusia dan fenomenanya; tentang pembentukan aturan, kordinasi dan matlamat penciptaan alam; dan tentang penggunaan dari manfaat atau faedah yang diberikan oleh alam.

Dari ketiga-tiga isu tersebut kita dapat menemukan sejumlah rumusan umum tentang konsep dan tanggapan terhadap penciptaan alam seperti yang terakam dalam Al-Quran seperti berikut;

- 1) Segala benda yang diciptakan Allah dalam alam ini adalah berimbangan dan berukuran baik dilihat pada aspek kuantitatif mahupun kualitatif;
- 2) Allah menciptakan setiap benda dalam alam ini dengan berhikmah, bijaksana, bernilai dan bertujuan;
- 3) Manusia merupakan kejadian alam yang paling istimewa, unsur-unsur tentang kejadiannya menjadi pelengkap kepada yang lain dalam suatu keseluruhan;
- 4) Bersesuaian dengan kejadiannya sedemikian, manusia dilantik oleh Allah sebagai khalifah untuk menjaga dan memelihara alam daripada kemusnahan;
- 5) Segala sumber kehidupan dan keindahan di alam ini diamnahkan kepada manusia oleh Allah s.w.t;
- 6) Manusia bertanggungjawab sepenuhnya terhadap pemeliharaan dan pengekalan alam dan mensyukuri terhadap manfaat dan nikmat alam yang dianugerahkan Allah s.w.t;
- 7) Pemeliharaan dan Pengekalan alam dapat terlaksana melalui pembangunan manusia dan negara.

Dengan berpandukan kepada tanggapan terhadap alam melalui perspektif budaya bangsa Melayu dan juga agama Islam, maka pembentukan Pengkaedahan Alamiah dapat diwujudkan dalam tiga rangkaian pendekatan iaitu Pendekatan Gunaan, Pendekatan Moral dan Pendekatan Firasat.

### **Pendekatan Gunaan**

Pendekatan Gunaan melihat karya sastera sebagai objek atau benda ciptaan alam; sama seperti objek-objek lain ciptaan Allah. Karya sastera juga merupakan suatu kejadian yang mempunyai sebab, hikmah, fungsi, tujuan, ukuran dan imbalan. Selain daripada itu, karya sastera diciptakan pengarang dengan izin Allah. Karya sastera ini dapat ditanggapi sebagai alat yang boleh memberi

guna kepada manusia dan kehidupannya pada kedua-dua peringkat zahir dan batin. Menurut Hashim Awang, dengan maksud ini, kita umpamanya dapat menderetkan karya sastera bersama-sama dengan objek-objek alam yang lain.

Penelitian berdasarkan Pendekatan Gunaan ini dilihat menerusi *Tawar Panas Badan*. Menerusi tawar ini, ia dapat ditanggapi sebagai alat yang boleh memberi guna kepada manusia dan kehidupannya pada kedua-dua peringkat zahir dan batin. Mantera suku Tidung ini dapat dideretkan bersama-sama dengan objek-objek alam yang lain.

Mantera suku Tidung merupakan salah satu objek daripada ciptaan alam; ciptaan yang berlaku dengan keizinan atau restu Allah. Keadaan ini turut diakui oleh pemilik mantera apabila penghasilan tawar ini dimulai dengan pujian kepada Allah dan diakhiri dengan pengharapan keberkatan dari Allah. Lihat contoh berikut;

**TAWAR PANAS BADAN**

***Bismillahir Rahmannir Rahim,***

**Kur Riana Naru Kuni,**

**Berdau Selamun,**

**Nabi Allah Ibrahim,**

**Berkat Doa Laillahailahailah,**

**Berkat Muhammad Rasullullah.**

*Sumber Asal: Arwah Nenek Tibu*

*Sumber Kedua: Haidir bin Gapur, 62 tahun*

*Tarikh: 1 Jun 2017*

*Tempat: Kampung Mentadak Baru, Pulau Sebatik, Sabah, Malaysia*

Pemilihan perkataan selamun dalam mantera suku Tidung adalah bersebab, berhikmah dan berfungsi tertentu. Penggunaan perkataan ini dilihat melalui unsur instrinsik dan ekstrinsik yang merangkumi latar belakang penciptaan, masyarakat pembaca, pengarang dan ideologi. Demikian juga *Tawar Pulas Penyakit* seperti berikut;

**TAWAR PULAS PENYAKIT**

***Bismillahir Rahmannir Rahim,***

**Selisi, Selasa, Selamun,**

**Mata Lias Bisia,**

**Berkat Doa Laillahailahailah,**

**Berkat Muhammad Rasullullah.**

*Sumber Asal: Arwah Nenek Tibu*

*Sumber Kedua: Haidir bin Gapur, 62 tahun*

*Tarikh: 2 Jun 2017*

*Tempat: Kampung Mentadak Baru, Pulau Sebatik, Sabah, Malaysia*

Menurut Haidir bin Gapur, 62 tahun perkataan *selamun* merujuk kepada salah satu daripada upacara ritual Suku Tidung yang pernah diamalkan suatu masa dahulu. Maka mantera ini dicipta sebagai alat yang boleh memberi manfaat atau kegunaan besar kepada manusia dan kehidupan luaran dan dalamnya. Pada awalnya juga iaitu sebelum kedatangan Islam, suku Tidung mempunyai kepercayaan yang kuat terhadap nasib buruk dan malang. Di Kampung Sungai Tamang dan Kampung Mentadak Baru, Pulau Sebatik, upacara membuang sial atau tolak bala ini juga mengalami beberapa tingkat perubahan mengikut peredaran masa yang disesuaikan oleh mengikut ajaran agama Islam.

Pada mulanya upacara tolak bala atau membuang sial dilakukan dengan cara mandi beramai-ramai pada waktu awal pagi dalam bulan Safar di laut. Upacara ini dikenali juga sebagai mandi safar yang bertujuan untuk membuang sial, bala atau nasib malang dan buruk.

Upacara mandi safar akhirnya diubah suai dengan cara menyediakan juadah berupa ketupat, ayam masak kari tanpa santan, kuih-muih dan buah pisang. Juadah ini diletakkan di atas sebuah dulang yang dipasangkan lilin ditengah-tengah dulang tersebut. Dulang tersebut diapungkan di atas permukaan air lalu ditolak perlahan-lahan untuk dihanyutkan ke laut. Upacara ini dilakukan pada waktu senja dalam bulan Safar. Tujuannya sama seperti mandi Safar iaitu untuk membuang sial, bala atau nasib malang dan buruk.

Setelah kedatangan Islam, Suku Tidung mulai sedar upacara tersebut bertentangan dengan ajaran Islam dan dianggap khurafat. Mereka mengubahsuai upacara tersebut dengan melakukan *selamun*. Mereka menulis ayat-ayat Al-Quran di atas daun kelapa muda dan membacakan tawar atau doa tertentu. Daun kelapa tersebut kemudiannya direndam di dalam tempayan dan ada juga direndam di dalam bekas minuman. Air dalam tempayan tersebut digunakan sebagai air mandian. Manakala air dalam bekas minuman itu digunakan untuk minum. Ketika ini, kepercayaan mereka juga mengalami perubahan, air yang digunakan untuk mandi dan minum tersebut bertujuan untuk menyembuhkan penyakit. Walau bagaimanapun, upacara-upacara ini tidak lagi diamalkan.

Suku Tidung di Kampung Sungai Tamang dan Kampung Mentadak Baru kini hanya akan mengadakan kenduri doa selamat di rumah masing-masing. Tuk Imam biasanya akan dijemput mengetuai bacaan doa selamat.



## **Pendekatan Moral**

Menurut Hashim Awang (2018), Pendekatan Moral yang dimaksudkan dalam Teori Pengkaedahan Melayu ini tidak menyamai makna moral yang ditanggapi umum iaitu tatsusila atau dasar-dasar kelakuan yang baik dan jahat; atau etika. Moral yang dimaksudkan di sini adalah pengiktibaran dan pengajaran; kesedaran untuk berfikir dan bertindak mengambil contoh teladan dan pengajaran di sebalik sesuatu kejadian atau pengalaman. Maksud ini bersesuaian dengan kegiatan mencipta atau mengarang karya sastera. Seperti yang kita fahami dan maklumi, di samping menjadi suatu objek alam yang dituliskan atau dihasilkan, karya sastera juga merupakan suatu “kejadian alam”, ia menjalani suatu proses penciptaan atau penulisan yang panjang dan melibatkan berbagai-bagai perkara serta kegaitan lain sebelum terhasilnya secara konkrit sebuah karya.

Karya sastera dalam konteks ini harus ditinjau dalam jangkauan yang lebih jauh daripada kewujudannya sebagai suatu alat atau benda. Ada banyak perkara lain yang harus diteroka dan ditemukan di sebalik bentuk, isi dan proses penglahirannya itu. Motif adanya pemilihan bentuk baru dan konvensional; pengisian manusia dan peristiwa-peristiwa kehidupan serta maklumat-maklumat diri serta persekitarannya; pengalaman dan kejiwaan serta matlamat pengarang dalam penciptaannya.

Menurut Hashim Awang (2018), menanggapi sastera dalam pendekatan ini sebagai suatu penciptaan seni yang menyingkapkan dan menyumbangkan pengalaman serta pengetahuan. Pengalaman yang tersingkap ini adalah pengalaman pengarang yang dirakamkan atau dipaparkan dalam karya sastera, yang terdiri daripada pemerian mengenai pelbagai ragam atau jenis dan perlakuan serta perbuatan manusia yang dapat pula memperkayakan pengalaman dan juga menjadi cermin perbandingan atau pengibaratan kepada pembaca.

Karya sastera dalam pendekatan ini harus mampu mencontohi kitab Al-Quran yang memiliki pelbagai nilai ketinggian; dalamnya terkandung pelbagai ilmu pengetahuan, pengisahan berbagai-bagai jenis dan perlakuan manusia untuk dipelajari dan dicontohi, penyampaian nasihat dan ajaran, dan kepentingan kepada bentuk serta keindahan.

Penelitian berdasarkan Pendekatan Moral ini dilihat menerusi analisis kepada *Doa Kata Burung Jariah*. Mantera ini memperlihatkan kemanfaatannya yang lebih besar daripada fungsinya dalam ilmu perbomohan dan perubatan bagi penyakit sendi, tulang dan urat. Mantera ini menyingkapkan dan menyatakan pengalaman dan bentuk-bentuk peristiwa yang dilalui oleh manusia tertentu dan segala maklumat yang berkaitan dengan mereka serta suasana persekitaran. Lihat mantera berikut;

### **DOA KATA BURUNG JARIAH**

***Bismillahir Rahmannir Rahim,***

***Sekali kata menjulur akar,  
Sudah akar serta pucuk,  
Sudah pucuk serta daun,  
Sudah daun serta buah,  
Dulu kan aku tiada berpulang,  
Berpulih sendi anggota, tulang uratku,  
Sedangkan tunggul mati berdaun balik,  
Berkat aku memakai doa kata burung jariah,  
Berkat doa Laillahailah,  
Berkat Muhammad Rasulullah.***

Sumber Asal: Arwah Nenek Amit

Sumber Kedua: Durian binti Gapor, 70 tahun

Tarikh: 3 Jun 2017

Tempat: Kampung Sungai Tamang, Pulau Sebatik, Sabah, Malaysia

Menurut informan, Durian binti Gapor, 70 tahun menceritakan semula asal usul penciptaan mantera ini iaitu dari arwah ibu mertuanya yang dahulunya juga menetap di Kampung Sungai Tamang, Pulau Sebatik. Mantera ini diperolehi arwah ibu mertuanya menerusi sebuah kisah dan kejadian sebenar yang pernah berlaku pada masa dahulu.

Oleh demikian mantera ini bukan sahaja dilihat fungsinya untuk mengubati penyakit sendi, tulang dan urat. Tetapi menyingkapkan dan menyatakan pengalaman menerusi peristiwa yang pernah dilalui. Pengalaman yang tersingkap ini dalam pengalaman pengarang yang dirakamkan atau dipaparkan dalam karya sastera, yang terdiri daripada pemerian mengenai pelbagai ragam atau jenis dan perlakuan serta perbuatan manusia yang dapat pula memperkayakan pengalaman dan juga menjadi cermin perbandingan atau pengibaratan kepada pembaca.

Menurut Durian binti Gapor, 70 tahun diceritakan dahulu oleh ibu mertuanya sebelum mantera itu diwaris kepadanya. Pada suatu masa dahulu di sebuah kampung terdapat tiga bersaudara telah ditimpa musibah. Adik bongsu daripada tiga beradik itu dijangkiti penyakit tulang, sendi dan seluruh kulit tubuhnya menjadi buruk dan busuk. Oleh kerana bimbang penyakitnya ini menjangkiti orang lain, maka adik bongsunya itu dihantar mereka ke kampung seberang yang dipisahkan oleh sebatang sungai dengan kampung mereka. Kedua-dua abangnya ini mendirikan sebuah pondok untuk adik bongsu mereka tinggal di situ. Hanya sekali-sekala mereka datang menjenguk dan menghantar keperluan makanan untuk adik bongsu mereka.

Suatu hari ketika menjenguk adik bongsu terkejutlah mereka apabila melihat adik bongsu mereka itu tidak lagi menghidapi penyakit tulang, sendi dan kulit. Mereka berasa sangat hairan. Lalu diceritakan semula oleh adik bongsu itu bahawa setiap hari ketika dia bermandi di sebatang sungai di tengah hutan di kampung seberang itu. Datang Seekor Burung Jariah. Burung Jariah ini boleh berkata-kata dan mengajarnya membaca doa setiap kalinya bermandi. Sehingga akhirnya dia sembuh dan burung itu pun menghilangkan diri. Menerusi kejadian itulah terhasilnya *Doa Kata Burung Jariah* dan doa ini diwariskannya kepada anak cucu keturunannya.

Oleh demikian, *Doa Kata Burung Jariah* merupakan sastera yang dilihat sebagai perakam peristiwa, perbuatan dan perilaku manusia. Semua yang terakam ini dapat ditinjau sebagai pengibaratan atau pengiktibaran kepada pembaca dan pengguna sastera. Kehidupan Suku Tidung yang amat dekat dengan alam.

Penghasilan *Doa Kata Burung Jariah* ini juga dilihat mencontohi kitab Al-Quran yang memiliki pelbagai nilai ketinggian; dalamnya terkandung pelbagai ilmu pengetahuan, pengisahan berbagai-bagai jenis dan perlakuan manusia untuk dipelajari dan dicontohi, penyampaian nasihat dan ajaran, dan kepentingan kepada bentuk serta keindahan. *Doa Kata Burung Jariah* membawa kita kembali semula kepada sejarah Islam, peristiwa pengibaratan atau pengiktibaran seekor burung gagak kepada manusia yang berlaku pada zaman nabi Adam a.s.

Menerusi kitab Al-Quran, surah Al-Mai'dah, ayat 27 hingga 31 mengisahkan tentang dua putera nabi Adam a.s. Qabil yang telah membunuh saudaranya tetapi tidak tahu bagaimana hendak menguburkan saudaranya itu. Maka Allah berfirman dalam surah Al-Maidah, ayat 31 "*Kemudian Allah menyuruh seekor burung gagak menggali-gali di bumi untuk memperlihatkan kepadanya bagaimana dia seharusnya menguburkan mayat saudaranya. Berkata Qabil; Aduhai celaka aku, mengapa aku tidak mampu berbuat seperti burung gagak ini, lalu aku dapat menguburkan mayat saudaraku ini*" Kerana itu jadilah dia seorang di antara orang-orang yang menyesal.

Oleh itu pendekatan moral, *Doa Kata Burung Jariah* ini dilihat sebagai sastera yang bukan sahaja sebagai sumber maklumat dan ilmu pengetahuan tetapi juga membawa kita kembali kepada sejarah Islam, peristiwa pengibaratan atau pengiktibaran seekor burung gagak kepada manusia yang berlaku pada zaman nabi Adam a.s.

### **Pendekatan Firasat**

Menurut Hashim Awang (2018), Pendekatan Firasat bertunjangkan kepada tanggapan bahawa sastera adalah suatu kejadian alam yang merakamkan dan memanifestasikan pengalaman hidup. Namun pengalaman hidup yang dimaksud dalam konteks ini lebih mengarah kepada pengalaman

penciptaan karya yang penuh daya kemisterian dan keimajinatifan; ia menyamai seperti suatu kejadian atau “mimpi” yang ternyata juga amat misteri sifatnya.

Dalam masyarakat Melayu, mimpi bukan terjadi kerana dorongan sedemikian tetapi kerana kehendak Allah yang diberikan dalam berbagai-bagai-bagai keadaan mengikut jenis manusia pemimpi; mimpi yang benar dan baik –termasuk wahyu- selalu terjadi pada para rasul dan nabi, mimpi jahat yang dipengaruhi syaitan dan mimpi akibat refleksi mental kerap berlaku dalam kalangan manusia biasa.

Oleh itu, masyarakat Melayu Islam amat memberikan perhatian terhadap mimpi yang berupa sebahagian daripada pemberian Allah dan berkaitan rapat dengan kehidupan serta kepercayaan mereka. Sesungguhnya begitu, “mimpi” dalam penghasilan sastera Melayu tidak pula menyamai dengan mimpi yang lahir dari dorongan jiwa bawah-sedar dalam tanggapan psikoanalisis dalam tradisi teori dan kritikan kesusasteraan Barat.

Kesusasteraan Melayu juga ditemukan lapis-lapis makna yang dikenali sebagai lapis tersurat dan lapis tersirat. Lapis tersurat adalah lapis zahir yang dapat dilihat, manakala lapis tersirat adalah lapis batin yang hanya dimengertikan melalui mata hati atau pemikiran dan keintelektualan sahaja.

Lapis zahir atau tersurat pada karya terdiri daripada penanda, atau dalam kehidupan masyarakat Melayu dikenali sebagai “alamat”. Dengan menggunakan penanda atau ‘alamat” yang berselerak pada lapis “tersurat” itu kita dapat memahami dan menemukan makna lain yang lebih benar pada lapis “tersirat”. Jadi makna tersirat tidak hanya ditemukan dengan pemahaman selapis dan pandangan kasar pada makna tersurat. Tetapi pemahaman perlu lebih jauh dan mendalam terhadapnya melalui proses-proses berfikir dan berta’akul secara kritis dan terbuka. Menurut Hashim Awang (2018), dalam proses itulah terlaksana apa yang kita istilahkan sebagai “firasat” iaitu proses membuat ramalan atau ‘tilik” yang berpandukan kepada akal, ilmu dan pengalaman bagi menemukan kebenaran dan ketepatan.

Penelitian berdasarkan Pendekatan Firasat ini dilihat menerusi analisis kepada dua versi mantera iaitu *Tawar Bisa*. Versi *Tawar Bisa* yang pertama adalah seperti berikut;

**TAWAR BISA**

**Bismillahir Rahmannir Rahim,**

**Alif furu namamu bisa,**

**Bunyu tumbuh di tengah hutan,**

**Turun kau bisa,**

**Naik kau rasa,**

**Berkat doa laillahaillahaillah,**

**Berkat Muhammad Rasullullah.**

*Sumber Asal: Arwah Nenek Tibu*

*Sumber Kedua: Haidir bin Gapur, 62 tahun*

*Tarikh: 1 Jun 2017*

*Tempat: Kampung Mentadak Baru, Pulau Sebatik, Sabah, Malaysia*

Manakala versi *Tawar Bisa* yang kedua adalah seperti berikut;

**TAWAR BISA**

***Bismillahir Rahmannir Rahim,***

***Kun Batu,***

***Engkaulah anak raja,***

***Singgah di tengah hutan,***

***Seri gandum namamu bisa,***

***Seri Kuning nama tawarku,***

***Turun kau bisa,***

***Naik kau rasa,***

***Berkat doa Laillahillah,***

***Berkat Muhammad Rasulullah.***

*Sumber Asal: Arwah Nenek Amit*

*Sumber Kedua: Durion binti Gapor, 70 tahun*

*Tarikh: 3 Jun 2017*

*Tempat: Kampung Sungai Tamang, Pulau Sebatik, Sabah, Malaysia*

Penelitian ini adalah untuk memperlihatkan bahawa mantera-mantera ini memiliki sifat-sifat zahir dan batin iaitu sifat tersurat dan tersirat. Sifat zahir menjadi PENANDA, atau dalam masyarakat Melayu diistilahkan sebagai ALAMAT, untuk mendapatkan makna yang tersirat atau PENANDA.

Berdasarkan versi Mantera: Tawar Bisa yang pertama dinyatakan secara langsung bahawa penyakit bisa namanya *Alif Furu*. Nama bisa ini merupakan sifat zahir yang menjadi PENANDA atau ALAMAT bagi penyakit bisa. Walaupun nama penyakit ini dinyatakan secara langsung tetapi ia masih mengandungi wacana berlapis atau berkias yang memerlukan penafsiran dalam menentukan makna, isi dan tujuan sebenar penciptanya. Misalnya bagi baris ketiga mantera ini iaitu *Bunyuh tumbuh di tengah hutan*.

Menurut Haidir bin Gapur, 62 tahun, penggunaan perkataan *bunyu* adalah merujuk kepada sebatang pokok yang sangat beracun. Pokok yang sangat beracun ini selalunya hanya tumbuh di tengah hutan. Pokok ini dipercayai sangat berbisa sehinggakan hanya berdiri berdekatan pokok sahaja boleh menyebabkan orang tersebut jatuh sakit atau meninggal dunia. Pokok ini dikenali sebagai Pokok Bunyu oleh Suku Tidung. Oleh demikian, bagi Suku Tidung bahawa segala jenis bisa, racun dan penyakit itu diibaratkan seperti bisa dan racun Pokok Bunyu.

Dalam Suku Tidung, mengetahui nama dan asal usul penyakit adalah kekuatan yang mendorong kepada kejayaan seseorang itu mengubati penyakit. Hal ini demikian, hanya dengan mengetahui asal usul, punca dan sebab sesuatu penyakit barulah langkah mengubati dan penawarnya dapat dicari.

Berdasarkan versi Mantera: Tawar Bisa yang kedua dinyatakan juga secara langsung bahawa penyakit bisa ini namanya *Seri gandum*. Nama bisa ini merupakan sifat zahir yang menjadi PENANDA atau ALAMAT bagi penyakit bisa. Demikian juga dinyatakan secara langsung bahawa penawar bisa ini namanya Seri Kuning. Walaupun nama penyakit dan nama penawar dinyatakan secara langsung tetapi mantera ini masih mengandungi wacana berlapis atau berkias yang memerlukan penafsiran dalam menentukan makna, isi dan tujuan sebenar penciptanya.

Penyakit berbisa dipercayai dibawa oleh sesuatu yang luar biasa, berkuasa, kuat dan ampuh yang digambarkan sebagai seorang anak raja yang singgah di tengah hutan. Jika seseorang itu tidak setaraf dengan kekuasaan, kekuatan dan keampuhan yang digambarkan itu maka orang itu akan kalah dan jatuh sakit. Demikian pula dalam mengubati penyakit bisa ini digunakan nama *Seri Kuning* yang juga warna kuning itu juga melambangkan kehebatan, kekuasaan, kekuatan dan keampuhan dan mampu menewaskan penyakit tersebut. Maka diperlambangkan keturunan anak raja digandingkan dengan warna kuning agar menyamakan tarafnya. Seterusnya penyakit dapat diubati.

Versi Mantera; Tawar Bisa yang kedua ini memulai mantera dengan kata-kata puji sanjung keturunan pembawa bisa. Malah penyakit tersebut dikalahkan dengan cara yang paling halus iaitu memujuknya beransur-ansur pergi lalu digantikan penyakit itu dengan rasa yang lebih baik, misalnya menerusi baris ayat *Turun kau bisa, Naik kau rasa*.

Namun pengubatan ini tidak mungkin berjaya tanpa keberkatan dan dengan izin Allah s.w.t. Oleh demikian, permulaan bagi kedua-dua mantera ini adalah dengan memuji nama Allah dan diakhiri pengubatan menerusi mantera ini dengan pengucapan baris ayat di bawah;

*Berkat doa Laillahaillah,*

*Berkat Muhammad Rasulullah.*

## **Penutup**

Teori Pengkaedahan Melayu mempunyai keutuhan dan kekuatan untuk menjadi teori mandiri. Pembentukannya bertunjangkan kepada realiti kehidupan dan keagamaan penghasil sastera; hampir keseluruhan aspek kewujudan dan kehidupan zahir dan batin bangsa Melayu diterokai dan dipilih sebagai asas-asas pembentukannya. Teori ini berhasil menemukan makna dan unsur-unsur penentuan makna karya dalam mantera suku Tidung jenis perubatan/perbomohan dan pakaian diri sehingga dapat pula dicari sifat-sifat yang khusus dan umum pada teks atau karya sastera tersebut. Teori Pengkaedahan Melayu mampu menjadi alat kerja-kerja pengkritikan, pengkajian dan penilaian sastera dengan lebih benar, munasabah, yakin, lengkap dan ia memiliki daya saing dengan teori sastera moden yang bercambah hebat pada masa kini.

## **Rujukan**

- Darmansyah et al. 1981. *Struktur Bahasa Tidung*. Jakarta: Departemen Pendidikan dan Kebudayaan.
- Darson. 1973. "Folklore and Folklife: An Introduction."
- Geetz, Clifford. 1977. "Cuoring, Soccerry and Magic in Javanese Town." Dalam David landy (ed.). *Culture, Disease and Healing*. New York: Macmillan Publishing.
- Haron Daud (2001). *Mantera Melayu Analisis Pemikiran*. Pulau Pinang: Universiti Sains Malaysia.
- Hashim Awang (1989). *Kajian Sastera: Suatu Pendekatan Melayu*. Dewan Sastera Disember: 60-63. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Hashim Awang (2018). *Teori Pengkaedahan Melayudan Prinsip Penerapannya*. Kertas Kerja yang dibentangkan dalam Bengkel Kolokium Teori Sastera: Pengkaedahan Melayu Sebagai Asas Khazanah Sastera Kebangsaan anjuran Dewan Bahasa dan Pustaka Cawangan Sarawak di Kuching, Sarawak.
- Harun Mat Piah. 1989. *Puisi Melayu Tradisional: Satu Pembicaraan Genre dan Fungsi*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
- Jamil Bakar et al. 1981. *Sastera Lisan Minangkabau, Pepatah, Pantun dan Mantra*. Jakarta: Departemen Pendidikan dan Kebudayaan.
- Koentjaraningrat. 2000. *Pengantar Ilmu Antrologi*. Jakarta: Pt Rineka Cipta.
- Marjusman et al. 1980. "Struktur Mantra Minangkabau." Laporan Penelitian Padang:

Departmen Pendidikan dan Kebudayaan.

Maryati Mastrawijaya.1993. "Sepintas Tentang Mantra." Lembaran Sastera (Siri Penerbitan Ilmiah, Universitas Indonesia), bil. 19, Februari.

Riwut, Tjilik. 2003. *Maneser Penatau Tatu Hiang: Menyelami Kekayaan Leluhur*. Nila Riwut (penyunting). Palangkaraya: Pusaka Lima.